

**PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961
DAN
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)**

**20 APRIL 2018
8.30 PAGI HINGGA 11.30 PAGI**

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis **bilangan index** dan **number kad pengenalan** awda sahaja pada setiap kertas jawapan.
2. Sila baca dan fahamkan setiap soalan sebelum mula menjawab.
3. Sila jawab soalan seperti berikut:
 - **Bahagian A** : Semua 30 soalan objektif.
 - **Bahagian B** : Pilih dan jawab tujuh (7) sahaja daripada sepuluh (10) soalan.
 - **Bahagian C** : Pilih dan jawab dua (2) sahaja daripada tiga (3) soalan.
4. Tuliskan jawapan bagi setiap soalan dalam Bahagian B dan C pada lembaran baru kertas jawapan.
5. Tulisan/jawapan hendaklah jelas, mudah dibaca dan difahami.
6. Sila gunakan dakwat (*ink*) pen atau *ball point pen* yang berwarna biru atau hitam.
7. Jawapan yang melibatkan perkiraan hendaklah ditulis dengan menunjukkan 'aliran' perkiraan dan kaedah yang jelas.
8. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

******* SEMOGA BERJAYA *******

BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF

Setiap soalan diikuti dengan empat pilihan abjad A,B,C dan D. Sila pilih jawapan yang betul dan tuliskan abjad jawapan berkenaan dikertas yang disediakan.

1. Waktu bekerja bagi warga perkhidmatan awam pada Hari Isnin-Khamis dan Sabtu ialah :
 - A. 7.30 pagi hingga 12.15 tengahari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang
 - B. 7.30 pagi hingga 12.30 tengahari dan 1.45 petang hingga 4.30 petang
 - C. 7.45 pagi hingga 12.15 tengahari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang
 - D. 7.45 pagi hingga 12.30 tengahari dan 1.45 petang hingga 4.30 petang
2. Pengiklanan jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam menggunakan tiga (3) kaedah. Apakah rujukan-rujukan dalam Peraturan Am bagi kaedah-kaedah berkenaan?
 - A. Bab 7(a), Bab 37(a), Bab 38(b)
 - B. Bab 7(a), Bab 38(a), Bab 38(b)
 - C. Bab 8(a), Bab 38(a), Bab 39(a)
 - D. Bab 8(b), Bab 38(b), Bab 39(b)
3. Mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2007, pengambilan kakitangan bergaji hari bagi lepasan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (*Diploma*) di kementerian/jabatan hendaklah melalui Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari yang ditubuhkan di kementerian/jabatan dengan dipengerusikan oleh Ketua Jabatan atau Ketua Bahagian Pentadbiran. Berapa orang kah keahlian minima Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari tersebut?
 - A. 3
 - B. 4
 - C. 5
 - D. 6
4. Dayang Lydia Ko mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas III dalam bidang Matematik dari Universiti Brunei Darussalam dan telah pun ditawarkan untuk bertugas sebagai Pegawai Pelajaran Bergaji Hari di Kementerian Pendidikan. Berapakah kadar gaji sehari yang layak dibayar kepada Dayang Lydia Ko?
 - A. \$111.30
 - B. \$111.50
 - C. \$119.30
 - D. \$119.50
5. Seorang Kerani yang baru dilantik telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 12 September 2016. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya pada tahun 2017?
 - A. 11 September 2017
 - B. 12 September 2017
 - C. 01 Oktober 2017
 - D. 12 Oktober 2017

6. Perkara manakah yang tersenarai dibawah ini **bukan** perkara yang boleh digunakan untuk menamatkan lantikan percubaan seseorang pegawai?
 - A. Tidak lulus peperiksaan-peperiksaan yang ditentukan
 - B. Gagal untuk menamatkan tempoh percubaan
 - C. Tidak disokong untuk ditetapkan dalam jawatan oleh Ketua Jabatan
 - D. Umur yang melebihi 40 tahun

7. Siapakah Penguasa Tatatertib bagi pekerja bergaji hari dalam perkhidmatan awam?
 - A. Menteri
 - B. Timbalan Menteri
 - C. Ketua Jabatan
 - D. Timbalan Ketua Jabatan

8. Tindakan apakah yang perlu diberikan keutamaan untuk diambil oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan apabila seorang pegawai/kakitangan tidak hadir bekerja dengan tidak mendapat kebenaran?
 - A. Mengarahkan pegawai/kakitangan berkenaan untuk mendapatkan CSDS
 - B. Memotong bonus pada tahun berkenaan
 - C. Menahan keseluruhan gaji dan elaun
 - D. Memaklumkan kepada Menteri atau Timbalan Menteri

9. Apabila seorang pegawai/kakitangan yang tidak mempunyai sebarang rekod jenayah menyerah diri dan memohon untuk menjalani rawatan atau pemulihan secara sukarela di Pusat Al-Islah serta mendapat kebenaran dari Ketua Jabatannya, maka
 - A. gaji dan elaunnya masih dibayar seperti biasa
 - B. 50% gajinya akan dibayar selama 6 bulan sahaja
 - C. 50% gajinya akan dibayar selama 1 tahun sahaja
 - D. gaji dan elaunnya diberhentikan serta merta

10. Pegawai-pegawai dan keluarga mereka adalah ditegah daripada menerima hadiah-hadiah sama ada yang berupa wang, barang-barang, tambang-tambang percuma atau faedah-faedah yang lain kecuali yang diterima daripada :
 - A. pegawai-pegawai bawahannya sendiri
 - B. sahabat-sahabat dan saudara maranya
 - C. orang-orang kenamaan dari luar negeri
 - D. ahli-ahli perniagaan yang tidak mempunyai urusan dengannya

11. Apakah hukuman bagi pegawai/kakitangan kerajaan yang menerima atau memperolehi sebarang hadiah bagi melakukan atau tidak melakukan mana-mana kerja rasminya [Bab 616]?
 - A. Penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda
 - B. Penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 8 tahun dan denda
 - C. Penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 9 tahun dan denda
 - D. Penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda

12. Seorang kakitangan kerajaan menerima gaji pokok sebanyak \$795.00 sebulan. Berapakah jumlah potong Tabung Amanah Pekerja (TAP) yang dikenakan keatasnya?
- A. \$39.25
 - B. \$39.75
 - C. \$40.25
 - D. \$40.75
13. Pasukan/anggota beruniform manakah yang termasuk dalam Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP)?
- A. Anggota-Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
 - B. Anggota-Anggota Polis Diraja Brunei
 - C. Pegawai/Wadar Jabatan Penjara
 - D. Ahli-ahli Pasukan Bomba dan Penyelamat
14. Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP) ditubuhkan dibawah *Supplemental Contributory Pension Order, 2009*. Bilakah skim ini mula dikuatkuasakan?
- A. 1 Januari 2009
 - B. 1 April 2009
 - C. 1 Januari 2010
 - D. 1 April 2010
15. Awang Jordan Speith adalah seorang pegawai kerajaan dalam Bahagian III dengan gaji pokok sebanyak \$2,150.00 sebulan. Dia mempunyai seorang isteri dan 5 orang anak masing-masing berumur 10 tahun, 13 tahun, 15 tahun, 19 tahun dan 21 tahun. Berapakah jumlah kadar kelayakan Elaun Cuti bagi Awang Jordan Speith dan keluarganya?
- A. \$ 7,875.00
 - B. \$ 9,625.00
 - C. \$10,500.00
 - D. \$12,250.00
16. Seorang pegawai kerajaan mempunyai anak berumur 7 tahun yang menuntut di *Jerudong International School (JIS)* dalam Tahun 2. Berapakah jumlah Elaun Pelajaran yang boleh dituntut oleh pegawai berkenaan bagi anaknya setiap bulan?
- A. \$120.00
 - B. \$240.00
 - C. \$400.00
 - D. \$800.00
17. Antara tujuan utama penganugerahan Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) ialah
- A. Meningkatkan Skim Perkhidmatan ke tahap yang lebih tinggi
 - B. Memenuhi keperluan dan perancangan strategik jabatan/kementerian
 - C. Memberi peluang kepada pegawai kerajaan belajar diluar negeri
 - D. Memberi laluan laju untuk kenaikan pangkat

18. Kenapakah keutamaan bagi mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) diberikan kepada pegawai-pegawai yang berumur lebih muda (lingkungan 40 tahun kebawah)?
- A. Kerana mereka lebih bertenaga dan berkeupayaan tinggi untuk lulus
 - B. Kerana lebih perkhidmatan mereka masih panjang untuk menyumbang pengetahuan/kemahiran yang diperolehi dari LDP
 - C. Kerana kebanyakan institusi pengajian tinggi diluar negeri hanya menerima pemohon-pemohon yang lebih muda
 - D. Kerana mereka jarang sekali menamatkan perkhidmatan sebelum ikatjanji (*bond*) berkhidmat dengan kerajaan tamat
19. Merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 6/2017, "Syarat-Syarat dan Peraturan-Peraturan Yang Mengawal Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut bagi pegawai-pegawai/kakitangan untuk mengikuti :
- A. Program Latihan Jangka Panjang;
 - B. Program yang ditaja oleh pihak penganjur atau badan lainnya;
- Apakah yang dimaksudkan dengan 'Program Latihan Jangka Panjang'?
- A. Kursus/latihan yang diikuti melebihi 30 hari
 - B. Kursus/latihan yang diikuti melebihi 6 bulan
 - C. Kursus/latihan yang diikuti melebihi 1 tahun
 - D. Kursus/latihan yang diikuti melebihi 3 tahun
20. Apakah tempoh minima perkhidmatan secara tetap bagi calon-calon yang disokong untuk mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut?
- A. 6 bulan
 - B. 1 tahun
 - C. 2 tahun
 - D. 3 tahun
21. Seorang pegawai kerajaan telah melapor diri untuk bertugas semula ke jabatannya setelah mengikuti kursus di United Kingdom selama 48 minggu. Berapa lamakah ikatjanji (*bond*) untuk berkhidmat dengan kerajaan yang dikenakan kepada pegawai berkenaan?
- A. 1 tahun
 - B. 2 tahun
 - C. 3 tahun
 - D. 4 tahun
22. Yang manakah antara pilihan berikut **bukan** tujuan utama untuk memberikan perkhidmatan kaunseling dan nasihat kepada warga perkhidmatan awam?
- A. Membantu meningkatkan produktiviti
 - B. Memberi kesedaran serta merancang kemajuan kerjaya
 - C. Menentukan denda/tindakan tatatertib yang bersesuaian
 - D. Membantu mereka yang mempunyai masalah

23. Apakah tatacara perhubungan persuratan diantara seorang Pengarah di Jabatan Perkhidmatan Awam dengan Pengarah Urusan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB)?
- Bersurat (letterhead)
 - Memorandum (memo)
 - Minit
 - Nota
24. Skim Perkhidmatan ialah :
- penyata skala gaji permulaan, kenaikan tahunan, EB Khas dan gaji terakhir sahaja
 - skim yang dikeluarkan dan diluluskan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
 - satu dokumen yang mengandungi keterangan jawatan dan perkara-perkara yang bersangkutan dengan keperluan jawatan berkenaan
 - surat tawaran jawatan tetap bagi pegawai-pegawai dalam Bahagian 1 & II sahaja
25. Apakah definisi Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS)?
- Cuti yang boleh dituntut secara kebelakangan kerana sakit
 - Cuti sakit bagi penyakit ringan yang diambil sendiri tanpa sijil cuti sakit
 - Cuti yang tidak dicatat kerana sakit ringan
 - Cuti yang diambil kerana ditahan di hospital-hospital kerajaan
26. Tahun bilakah Sambutan Hari Perkhidmatan Awam yang pertama diadakan?
- 1993
 - 1994
 - 1995
 - 1996
27. Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) adalah satu kenyataan atau komitmen bertulis tentang piawai (*standard*) perkhidmatan kepada orang ramai. Antara ciri-ciri TPOR ialah
- Sulit dan Rahasia
 - Mempunyai rangkaian yang kompleks
 - Memberi keyakinan/kebolehpercayaan
 - Tidak terlalu khusus/spesifik
28. Berapakah jumlah pegawai/kakitangan yang bersesuaian untuk Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) membuat analisis mengenai masalah-masalah yang berhubungkait dengan tugas mereka?
- Tidak melebihi 5 orang
 - 6-10 orang
 - 11-14 orang
 - Tidak kurang dari 15 orang

29. Manual Prosedur Kerja (MPK) ialah :
- A. Dokumen rujukan/panduan rasmi mengenai jabatan/kementerian sebagai bahan rujukan bagi pegawai/kakitangan yang baru dan lama
 - B. Manual bagi cara-cara penggunaan mesin-mesin di pejabat
 - C. Buku panduan/rujukan penggunaan peralatan komputer
 - D. Manual bagi pemeliharaan/pembaikan alat hawa dingin dikementerian/jabatan kerajaan
30. Pilih keterangan yang betul mengenai Fail Meja.
- A. Dokumen rujukan untuk setiap pegawai dan kakitangan bagi menjalankan tugas hariannya
 - B. Panduan terperinci mengenai tugas yang dijalankan oleh setiap individu
 - C. Mengandungi kedudukan pemegang tugas dalam jabatan, bahagian atau unit, peruntukan undang-undang dan peraturan yang dipakai serta carta atau aliran proses tugas
 - D. Semua pilihan A, B dan C adalah betul

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah. Pilih dan jawab tujuh (7) soalan sahaja.

1. Sebutkan lima (5) Majlis-Majlis Rasmi Negara dimana pegawai dan kakitangan yang dijemput adalah dimestikan untuk menghadirinya kecuali terdapat alasan-alasan yang munasabah.
2. Hal Ehwal Memangku.
 - a. Sebutkan dua (2) keadaan yang membolehkan sesuatu jawatan itu dipangku
 - b. Berikan tempoh minima lantikan memangku bagi jawatan-jawatan berikut :
 - i. Setiausaha Tetap
 - ii. Penolong Pengarah
 - iii. Penyelia Pejabat
3. a. Bilakah tarikh permulaan kontrak bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan kerajaan secara berkontrak dalam keadaan-keadaan berikut?
 - i. Seorang doktor perubatan dari Pakistan untuk berkhidmat dengan kerajaan bagi kali pertama.
 - ii. Seorang pensyarah dari Malaysia yang bertugas di institusi pengajian tinggi swasta di Negara Brunei Darussalam dan ditawarkan jawatan di Kementerian Pendidikan.
 - iii. Pegawai Kerajaan yang telah bersara dan diambil berkhidmat semula.
- b. Berapa peratuskah (%) daripada gaji pokok terakhir baksis yang diberikan kepada pegawai-pegawai berkontrak dalam bahagian-bahagian berikut :
 - i. Bahagian II
 - ii. Bahagian IV (bagi kontrak yang ke-3)
4. Sebutkan lima (5) tindakan atau perkara-perkara yang perlu diberi perhatian oleh seorang Ketua Jabatan apabila menerima laporan dari agensi kerajaan tentang penglibatan pegawai/kakitangan bawahannya dalam kes jenayah.
5. Sila nyatakan perkara-perkara yang membolehkan wang simpanan Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dikeluarkan dan jumlah peratus yang dibenarkan bagi setiap perkara.
6. Terangkan peraturan dan syarat-syarat Elaun Cuti.

7. Senaraikan syarat-syarat untuk mendapatkan pengurniaan tambang bagi menunaikan Fardhu Haji.

8. Terangkan proses permohonan untuk mendapatkan Cuti Tanpa Catat dan senaraikan empat (4) kegiatan/alasan yang membolehkan permohonan Cuti Tanpa Catat diberi kebenaran.

9. Terangkan tatacara menghadapkan sokongan bagi calon-calon untuk mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan.

10. Berikan lima (5) objektif Audit Dalaman.

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17½ markah. Pilih dan jawab dua (2) soalan sahaja.

SOALAN 1

Awang Rory Mcilroy dilahirkan pada **10 Ogos 1963** dan mula berkhidmat dengan kerajaan pada **7 Julai 1988** dalam Jawatan Tetap dan Skim Berpencen. Gaji pokok yang terakhir diterimanya ialah sebanyak **\$5,610.00**.

- a. Apakah tanggagaji bagi jawatan yang dipegang oleh Awang Rory Mcilroy?
(½ markah)
- b. Bilakah tarikh terakhir perkhidmatan Awang Rory Mcilroy sebelum bersara wajib?
(1 markah)
- c. Berapakah jumlah hari cuti maxima yang boleh diambilnya sebelum bersara?
(1 markah)
- d. Bilakah tarikh beliau mula bercuti jika mengambil cuti sebelum bersara dengan jumlah cuti dalam (c)?
(1 markah)
- e. Berapa bulan genapkah keseluruhan perkhidmatannya dengan kerajaan?
(2 markah)
- f. Jika Awang Rory Mcilroy memilih untuk mengambil pencen penuh bulanan, berapakah jumlah yang diterimanya setiap bulan setelah bersara?
(4 markah)
- g. Jika dia memilih untuk mengambil pencen yang dikurangkan dan baksis, berapakah jumlah :
- i. baksis yang diterimanya?
(3 markah)
- ii. pencen yang dikurangkan setiap bulan?
(3 markah)
- h. Jika Awang Rory Mcilroy meninggal dunia pada umur 65 tahun, waris-warisnya boleh membuat tuntutan pencennya;
- i. Apakah gelaran pencen yang diterima oleh waris-waris Awang Rory Mcilroy?
(1 markah)
- ii. Berapa tahun kah pencen tersebut diterima oleh waris-waris Awang Rory Mcilroy sebelum ianya diberhentikan?
(1 markah)

SOALAN 2

Merujuk Surat keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 9/2017 – **Garis panduan Melaksanakan Surcaj Dalam Perkhidmatan Awam** dan juga peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya, bahawa pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan yang gagal untuk mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan yang membawa kerugian kepada kewangan kerajaan boleh dikenakan Surcaj.

- a. Sila beri taksiran kepada perkara-perkara berikut :
- i. Pegawai Pengawal
 - ii. Pegawai Perkiraan
 - iii. Surcaj
 - iv. Wang Negara
 - v. Barang-Barang Setor
- (5 markah)**
- b. Berikan dua (2) objektif melaksanakan surcaj dalam perkhidmatan awam.
- (2 markah)**
- c. Berikan tiga (3) tugas-tugas Jawatankuasa Mempertimbangkan Surcaj.
- (3 markah)**
- d. Sebutkan tiga (3) jenis-jenis kesalahan dalam **kutipan hasil** yang boleh dikenakan surcaj.
- (3 markah)**
- e. Sebutkan tiga (3) jenis-jenis kesalahan dalam **Pembayaran** yang boleh dikenakan surcaj.
- (3 markah)**
- f. Berapa peratuskah (%) jumlah surcaj yang akan dikenakan bagi kesalahan-kesalahan **kutipan** dan **pembayaran** yang disebutkan dalam (d) dan (e)?
- (1 markah)**
- g. Bilakah Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 9/2017 dikuatkuasakan?
- (½ markah)**

SOALAN 3

Dayang Michelle Wie mula bertugas sebagai Pensyarah di Universiti Brunei Darussalam ketika berumur 25 tahun pada tahun 2014. Kelulusan tertinggi yang telah diperolehinya ialah Ijazah Sarjana dalam bidang Kimia. Disebabkan oleh perubahan Skim Perkhidmatan Institusi Pengajian Tinggi, Dayang Michelle Wie dikehendaki oleh pihak universiti untuk mengikuti kursus Doktor Falsafah (PhD) diseberang laut bagi membolehkannya berpindah dari Skim Perkhidmatan Institusi Pengajian Tinggi yang lama kepada Skim Perkhidmatan Institusi Pengajian Tinggi yang baru.

Merujuk kepada Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam Bilangan : 02/2018 – Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut bagi Sesi Akademik 2018/2019;

- a. Terangkan proses-proses atau perkara-perkara yang perlu dibuat oleh Dayang Michelle Wie dan pihak Universiti Brunei Darussalam sebelum menghadapkan sokongannya kepada Urusetia Badan mempertimbangkan Latihan Dalam perkhidmatan (BMLDP).
(4 markah)
- b. Berikan lima (5) syarat utama bagi mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP).
(5 markah)
- c. Apakah syarat akademik yang perlu dipenuhi oleh Dayang Michelle Wie untuk mengikuti kursus PhD di universiti-universiti di United Kingdom.
(1 markah)
- d. Apakah syarat yang membolehkan Dayang Michelle Wie mengikuti kursus PhD jika tidak mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana?
(1 markah)
- e. Jika Dayang Michelle Wie hanya mempunyai Kelulusan Ijazah Sarjana ditahap 'lulus' sahaja, bolehkah permohonannya untuk mengikuti kursus PhD diluar negeri pada tahun ini (2018) dipertimbangkan? Sila beri sebab.
(2 markah)
- f. Jika sekiranya Dayang Michelle Wie menghabiskan kursus Phd nya dalam masa tiga (3) tahun dua (2) bulan, berapa lamakah ikatjanji (*bond*) untuk berkhidmat dengan kerajaan yang dikenakan kepadanya?
(1 markah)
- g. Bilakah bermula perkiraan ikatjanjinya untuk berkhidmat dengan kerajaan?
(1 markah)
- h. Jika Dayang Michelle Wie berhasrat untuk menamatkan perkhidmatannya dengan kerajaan setelah menjalani hanya dua (2) tahun daripada ikatjanjinya setelah mengikuti kursus PhD, berapakah bayaran balik yang perlu dibayarnya jika semua perbelanjaan kerajaan disepanjang pengajiannya di United kingdom berjumlah BND\$234,567.89?
(2½ markah)